
HUBUNGAN SEKOLAH - MASYARAKAT (KOMUNITI)

Pengenalan

Ibubapa dan masyarakat seluruhnya memang mengharapkan para guru besar/pengetua memajukan sekolah masing-masing. Ini juga merupakan harapan negara, dan hasrat ini diperkukuhkan lagi melalui Falsafah Pendidikan Negara. Untuk melaksanakan harapan ini, para guru besar/pengetua menjadi agen dalaman yang penting dalam usaha mengembeling segala resos yang diberikan. Dengan ini, prestasi pengajaran-pembelajaran dapat dipertingkatkan.

Masyarakat Sekolah

Kesan masyarakat terhadap sekolah memang besar. Keadaan masyarakat yang berbeza-beza mungkin memberi kesan yang berbeza kepada pengalaman sekolah murid-murid. Contohnya, keadaan sekolah Felda yang unik kepada sekolah, guru dan murid. Keadaan ini mungkin berbeza dengan pengalaman di sekolah bandar atau luar bandar yang lain. Sehubungan dengan ini, para guru besar/pengetua perlu memahami masyarakat dan nilai-nilai masyarakat sekitaran.

Konsep yang dikemukakan oleh Getzel (1978) mungkin



berguna untuk menganalisis masyarakat sekitaran. Teksonomi yang beliau kemukakan adalah seperti berikut:-

1. Komuniti lokal: mempunyai identitinya yang tersendiri.
2. Komuniti pengurusan: contohnya daerah (PPD).
3. Komuniti sosial: contohnya, rakan-rakan sendiri.
4. Komuniti instrumental: contohnya persatuan guru.
5. Komuniti etnik, kasta atau kelas: contohnya, Melayu, Cina, India, kelas menengah/pekerja.
6. Komuniti ideologi: berhubungkait dengan fahaman sosio-politik, konsep, dsb. Contohnya: ahli politik.

Para guru besar/pengetua perlu mengetahui golongan komuniti yang wujud di environmen sekolahnya. Contohnya, mereka perlu bekerjasama dengan komuniti pengurusan (PPD, JPN) untuk menjayakan rancangan sekolah mereka.

Membaiki Hubungan Masyarakat - Sekolah

Tujuan utama membina hubungan efektif dengan masyarakat setempat ialah untuk membolehkan penglibatan aktif ibubapa/masyarakat dalam aktiviti-aktiviti sekolah (Daresh, 1983). Melalui program sekolah - komuniti akan menggalakkan ibubapa/masyarakat melibatkan diri dalam proses pendidikan. Dengan hubungan yang ada, kedua



belah pihak akan dapat memahami masalah yang dihadapi oleh kedua pihak. Juga, para guru akan dapat memahami latarbelakang serta masalah murid.

Kajian menunjukkan pentingnya hubungan rapat dan positif di antara sekolah, rumah dan masyarakat. Brookover et. al. (1965) mendapati bahawa apabila ibubapa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sekolah, anak-anak mereka menunjukkan prestasi yang baik dalam matematik, bacaan dan bahasa (language arts). Walberg (1984) dan Lareau dan Benson (1984) menegaskan bahawa penglibatan ibubapa boleh meninggikan produktiviti sekolah.

Kajian oleh Bowles dan Fruth (1976) menunjukkan bahawa program sekolah - komuniti yang efektif adalah didasarkan kepada andaian-andaian berikut:-

1. Murid merupakan subpublik yang penting di sekolah. Mereka merupakan penyampai maklumat utama kepada ibubapa. Persepsi mereka terhadap pendidikan boleh mempengaruhi pandangan ibubapa, juga pandangan murid itu terhadap pendidikan apabila dewasa nanti.
2. Program yang efektif perlu penglibatan ibubapa.
3. Personalialia sekolah seharusnya menggunakan resos setempat.

4. Penggunaan siaranaya dan media yang efektif. Komunikasi harus sering dilakukan dan apa yang hendak disampaikan harus jelas.
5. Hubungan juga harus ada dengan ahli masyarakat yang tidak ada punyai hubungan terus dengan sekolah.
6. Elakkan krisis pengurusan dengan melibatkan input masyarakat dalam program sekolah.


Sebuah Model Perhubungan Sekolah - Komuniti

Andaian-andaian tersebut telah diterjemahkan ke dalam sebuah model (Kim, Fruth dan Bowles, 1976) yang menunjukkan bahawa hubungan sekolah - komuniti yang efektif adalah hasil dari proses analisi, komunikasi, penyertaan dan resolusi segala isu oleh pembuat polisi dan pihak pengurusan. Proses ini adalah seperti berikut:-

1. Analisis: proses di mana isu dan ahli-ahli komuniti dikenalpasti.
2. Komunikasi: proses interaksi di antara ahli-ahli komuniti dan sekolah.
3. Penyertaan: proses di mana ahli-ahli komuniti meluangkan masa, tenaga dsb. untuk menjayakan program.
4. Resolusi: proses penyelesaian masalah dan mengurangkan konflik di antara rumah, sekolah dan komuniti.



Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, program sekolah - komuniti yang efektif perlu menitikberatkan pola interaksi mereka yang mempunyai peranan penting di setiap lapis organisasi sekolah itu. Dari rajah itu, kita dapati program pengajaran-pembelajaran merupakan tugas utama sekolah. Di peringkat komuniti setempat, para guru bertanggungjawab memberitahu ibubapa perkembangan anak-anak mereka dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Guru Besar/Pengetua bertanggungjawab merancang program ke arah pencapaian pendidikan cemerlang. Di peringkat komuniti pengurusan, pihak PPD misalnya, membuat pengurusan dan perancangan untuk memajukan sekolah. Dalam hubungan mereka dengan komuniti ini, guru besar/pengetua perlu membuat komunikasi, penyertaan dan resolusi.



Rajah 1. Para Peserta dan Proses dalam Hubungan Rumah – Sekolah Komuniti.



Analisis Komuniti

Terdapat 3 fungsi:

1. Guru Besar/Pengetua perlu mengenalpasti isu dan elemen-elemen isu itu.
2. Guru Besar/Pengetua mengenalpasti individu yang terlibat dalam isu itu.
3. Guru Besar/Pengetua mengaitkan isu dengan mereka yang terlibat, supaya dengan ini perancangan untuk komunikasi, penyertaan dan resolusi isu itu dapat dijalankan.

Cara-Cara Mengenalpasti Isu

1. Melalui intuisi (intuitive grasp)
2. Melalui kajian keperluan yang sistematik
(a systematic needs assessment survey)
3. Melalui interbiu (mendalam dan terbuka)
(in-depth and open-ended)

Komunikasi dengan Komuniti

1. Komunikasi guru dengan murid sangat penting. Biasanya murid akan memberitahu ibubapa/penjaga tentang keadaan yang berlaku di sekolah. Komunikasi positif akan menimbulkan reaksi positif dari ibubapa.



2. Berita Sekolah (newsletters) merupakan komunikasi formal yang baik di antara sekolah dengan komuniti.
3. Komunikasi satu hala dan dua hala - komunikasi satu hala baik dilakukan dalam menyampaikan berita dan arahan yang mudah difahami. Manakala polisi dua hala adalah untuk isu yang lebih kompleks.

Penyertaan Komuniti

Menurut model dalam Rajah I , penyertaan bermaksud penyertaan aktif individu-individu dalam program dan aktiviti sekolah. Penyertaan boleh dirancang, boleh juga tidak. Terdapat 5 jenis penyertaan: lawatan ke rumah murid, perjumpaan dengan ibubapa, aktiviti pendidikan komuniti, sumbangan sukarela dan perwakilan dalam jawatanakuasa sekolah.

Resolusi

Ini berkaitan dengan penyelesaian masalah atau konflik. Dari segi ini, 4 cara (modes) resolusi conflict (conflict resolution) boleh digunakan - secara rasional, paksaan (persuasion), perundingan (bargaining) dan penggunaan pengaruh.



Penutup

Sebagai pemimpin, guru besar/pengetua harus cekap dalam mengendalikan hubungan sekolah dengan persekitarannya. Isu-isu yang melibat sekolah dan komuniti perlu ditangani dengan cekap, bijaksana dan mengikut lunas-lunas yang diizinkan. Sehubungan itu, para guru besar/pengetua harus berupaya menganalisis isu dengan tepat, berkomunikasi dengan efektif, menarik penyertaan ramai bila perlu dan menggunakan kaedah yang terbaik dalam menyelesaikan isu dan konflik.



Rujukan

Bowles, B. D., & Fruth, M.J. (1976). Improving home - school - community relations. In J. M. Lipham & M. J. Fruth (Eds.) The principal and individually guided education (pp.163 - 200). Reading, MA: Addison-Wesley

Brookover, W.B. Beady, C., Flood, P., Schweitzer, J., & Wisen-baker, J. (1979). School social systems and student achievement. New York: Praeger

Dares, J.C. (1983). Home - school - community relations. In H. J. Klausmeier, J. M. Lipham, & J.C. Dares, The renewal and improvement of secondary education (pp. 277 - 298). Lanham, MD: University Press of America.

Getzels, J. W. (1978). The communities of education. Teachers College Record, 79, 659-682.

Kim, J. E., Fruth, M. J., & Bowles, B.D. (1976). Home - school - community relations: The state of the art. Madison, WI: Wisconsin Research and Development Center for Cognitive Learning.

Lareau, A., Benson, C (1984). The economics of home/school relationships: A cautionary state. Phi Delta Kappan, 65, 401-404.

Walberg, H.J. (1984). Families as partners in educational productivity. Phi Delta Kappan, 65, 397 - 400.